



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-88849586 (Aras 3)

+603-88849370 (Aras 4)

Faks : +603-88849315

Laman Web : www.moe.gov.my

KPM.600 -10/26/4 Jld. ()

19 Disember 2017

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENAMBAHBAIKAN AKTIVITI PEMBANGUNAN SAHSIAH DAN PANDUAN
PENYEDIAAN JADUAL HARIAN MURID ASRAMA HARIAN KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA 2018**

Dengan segala hormatnya surat Bahagian ini bertajuk Penambahbaikan Aktiviti Pembangunan Sahsiah Murid Di Asrama Harian KPM, rujukan KP(BPSH-SPKIA)703/17 (18) bertarikh 03 April 2014 adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, Bahagian ini memandang serius berkaitan aktiviti dan program pembangunan sahsiah murid-murid yang tinggal di asrama harian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan sekolah untuk memastikan murid-murid ini dijaga dari segi kebajikan dan pembangunan sahsiah mereka.

3. Sehubungan itu, jadual harian murid asrama telah disemak dan dikemaskini sebagai satu langkah penambahbaikan berterusan bagi memastikan aktiviti / program pembangunan sahsiah murid asrama dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dokumen ini hendaklah dijadikan panduan dalam menyediakan jadual harian murid asrama dan melaksanakan program / aktiviti yang diwajibkan. Pengurusan sekolah hendaklah memastikan pelibatan semua guru dan kakitangan dalam pengurusan dan pembangunan asrama berlaku di sekolah masing-masing.

**PENAMBAHBAIKAN AKTIVITI PEMBANGUNAN SAHSIAH DAN PANDUAN PENYEDIAAN
JADUAL HARIAN MURID ASRAMA HARIAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2018**

KPM.600 -10/26/4 Jld. ()

19 Disember 2017

4. Bersama ini disertakan satu salinan Panduan Penyediaan Jadual Harian Murid Asrama Harian semakan 2018 untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan. Surat siaran dan panduan Ini juga boleh dimuat turun melalui laman web KPM di alamat www.moe.gov.my.


5. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon untuk memaklumkan kandungan surat ini kepada semua sekolah harian berasrama di bawah jabatan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, boleh berhubung ke Bahagian ini melalui Bahrin Bin Hj. Masduki, Ketua Unit Pengurusan Asrama Harian ditalian 03-88849432 / 9390 atau di alamat e-mail bahrin@moe.gov.my.

Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berikan diucapkan terima kasih. Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

“KEMENJADIAN MURID ASRAMA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Saya yang menurut perintah,



PESOL BIN MD. SAAD
Timbalan Pengarah (Murid)
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia